



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN,  
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

**KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA  
PADA 1 MAC 2019**

Sebut Harga adalah dipelawa kepada **Kontraktor-Kontraktor Bumiputera Tempatan** yang berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB) dalam kelas dan gred pendaftaran yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi kerja-kerja berikut:-

No. Sebut Harga	Tajuk	Kelas Pendaftaran	Harga Dokumen (RM)	Tarikh/ Masa & Tempat Lawatan Tapak
<b>SH/ SUKNS/ BIL.9/ 2019</b>	Kerja-Kerja Mengecat Bumbung Rumah Kuarters 3334 Dan 3336 Jalan Keliling Serta Kerja-Kerja Berkaitan.  <b>PERINGATAN:</b> Lawatan tapak adalah diwajibkan. Sila bawa cop syarikat untuk pengesahan kehadiran. Hanya pemilik syarikat sahaja dibenarkan menghadiri taklimat. Sebarang rayuan tidak akan diterima.	Kelas: G1  Kategori: B  Pengkhususan: B04 & B14	RM30.00 setiap satu borang	<b>8/3/2019 (Jumaat)</b>  <b>8.30 pagi</b>  <b>Kediaman Rasmi JKR 3334 Jalan Keliling, Seremban.</b>

Dokumen sebut harga boleh didapati mulai **8 Mac 2019 hingga 14 Mac 2019** pada waktu pejabat di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan (Unit Kewangan), Tingkat 5, Blok A, Wisma Negeri, 70503 Seremban, Negeri Sembilan dengan dikenakan bayaran seperti di atas dalam bentuk tunai dan bayaran ini tidak akan dikembalikan.

Kontraktor / pembekal dikehendaki membawa Sijil Pendaftaran Asal **Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** serta **Sijil Pengiktirafan Bumiputera** semasa membeli dokumen sebut harga. Dokumen yang telah lengkap diisi disertakan bersama satu salinan bagi ketiga-tiga Sijil tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan dimasukkan ke dalam peti sebut harga di alamat **Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan, (Unit Kewangan), Tingkat 5, Blok A, Wisma Negeri, 70503 Seremban, Negeri Sembilan.**

Tarikh tutup sebut harga iaitu **sebelum atau pada jam 12.00 tengah hari, 14 Mac 2019 (Khamis).** Sebut harga yang lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.